

Mahathir kritik ramalan tidak berasas Barat

KUALA LUMPUR 5 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengkritik negara-negara Barat yang seringkali membuat ramalan yang tidak berasas ke atas perkembangan ekonomi dan politik Malaysia.

Perdana Menteri berkata, golongan berkenaan sejak dulu lagi sememangnya gemar membuat ramalan ke atas Malaysia dengan pelbagai andaian negatif.

“Sekarang mereka ini (pihak-pihak asing) cuba menjadi ahli nujum hebat dan meramal kita (ekonomi Malaysia).

“Ramalan terhadap Ma-

laysia berlaku sejak dulu lagi, mereka kata Malaysia akan jatuh, akan berlaku rusuhan kaum, ekonomi akan hancur dan penurunan nilai mata wang akan berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Raksasa MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas laporan majalah Amerika Syarikat, *Fortune* dalam keluaran bulan ini yang antara lain meramalkan Malaysia adalah antara tujuh negara yang akan mengalami penurunan nilai

mata wang ekoran krisis kewangan.

Laporan itu turut dikritik oleh pakar-pakar ekonomi dan perbankan tempatan memandangkan nilai ringgit pada masa ini adalah kukuh dan tidak mengalami risiko diturunkan nilainya.

Mereka juga menyifatkan laporan berkenaan sebagai tidak berasas sama sekali.

Perdana Menteri berkata, ringgit sentiasa menunjukkan kenaikan dalam pasaran mata wang antara-bangsa berbanding dengan sterling ataupun dolar Amerika Syarikat.